

**PETIKAN TITAH**  
 "MANAKALA di bulan Syawal ini pula, kita terus dianjurkan mengerjakan Puasa Sunat Enam yang mana fadilatnya seolah-olah kita berpuasa selama sepanjang tahun." - Titah sempena Hari Raya Aidilfitri



**MANISNYA IMAN**  
 "DARI Abi Hurairah Radiallahuanhu dan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda bersabda : Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat maka hendaklah ia menghormati tetamunya dan"

**R abu**  
 9 November, 2005  
 6 Syawal 1426  
 Tahun 50 Bilangan 45

- [Berita Utama](#)
- [Berita Ringkas](#)
- [Haluan](#)
- [Dari Sidang Pengarang](#)
- [Kan Halnya](#)
- [Sepuluh Negara Satu Masyarakat](#)
- [Sorotan Berita](#)
- [Sari Pembangunan](#)
- [Menjana Kesihatan Biskita](#)
- [Ekonomi](#)
- [Sudut Perkhidmatan Awam](#)
- [Melirik Masa Silam](#)
- [Belia](#)
- [Sastera dan Budaya](#)
- [Arena Sukan](#)
- [Suara Dari Mimbar](#)
- [Menuju Keredaan Allah](#)
- [Minda Pembaca](#)
- [Aneka Rencana](#)
- [Remaja](#)
- [Iklan-iklan Jawatan Kosong](#)
- [Iklan-iklan Tawaran](#)
- [Arkib](#)

**TAHUKAH AWDA?**  
 STATISTIK jenayah bagi bulan Oktober 2004 iaitu bersamaan dengan musim perayaan Hari Raya Aidilfitri 1425 Hijrah adalah seperti berikut :  
 Kesalahan-kesalahan terhadap tubuh manusia seperti rogol dan penderaan kanak-kanak 41 kes;  
 kesalahan-kesalahan terhadap harta benda seperti pecah rumah, curi dan lain-lain 156 kes;  
 kesalahan-kesalahan Kanun Hukum Jenayah seperti menceroboh, tipu dan sebagainya 63 kes;  
 kesalahan-kesalahan melanggar akta-akta seperti Akta Perjudian, Akta Ketentermaan Awam 14 kes.  
 Seemntara kes-kes dikendalikan oleh agensi-agens kerajaan seperti Akta Imigresen, Akta Buruh dan lain-lain 82 kes.  
 Jumlah keseluruhan kes jenayah di sepanjang musim perayaan itu ialah 356 kes. -  
 Sumber : Pasukan Polis Diraja Brunei.  
 Pelita Brunei Online  
 Jabatan Penerangan  
 Jabatan Perdana Menteri  
 Alamat e-mail:  
[Pelita Brunei](mailto: Pelita Brunei)

**HALUAN**



**TITAH** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1426 Hijrah/2005 Masihi pada 1 Syawal 1426/4 November 2005.

**JADILAH BANGSA YANG BAIK,  
 TIDAK SAKIT, DICINTAI DAN  
 DIREDAI ALLAH**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
 Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAALHAMDULILLAHI Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Tidak ada maknanya kejayaan yang dinikmati itu hanya untuk seketika sahaja. Tetapi kejayaan yang mampu bertahan lama atau kejayaan mutlak dengan memperolehhi Syurga Allah Taala sebagaimana yang ditegaskan di dalam Al-Quran.

Untuk mendapatkan kejayaan dalam bentuk ini, usaha perlulah selari dengan matlamat. Hanya usaha yang baik jua yang dapat menyampaikan kita kepada matlamat yang baik pula.

Di dunia, barangkali semua orang atau bangsa mempunyai matlamat yang baik-baik belaka. Tetapi ternyata, tidak semua yang berjaya mencapainya. Sebagai contoh, dalam perkara keamanan dan perdamaian, tidak ada siapa pun yang terkecuali dari menjadikannya sebagai matalamat mereka. Tetapioleh kerana ada usaha yang tidak selari dengan matlamat, maka keamanan dan perdamaian itu tidak dapat lahir menjadi kenyataan.

Ini makanya, di dalam agama kita, apa jua yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia, ianya adalah bulat-bulat dilihat sebagai tanggungjawab penuh mereka. Jika Allah mengurniakan kebajikan, ianya adalah selaras dengan usaha-usaha mereka yang baik. Sementara jika berlaku malapetaka atau kesengsaraan, ianya juga berpunca dari usaha-usaha jahat manusia sendiri. Firman Allah dalam Surah Asy Syuura ayat 30 tafsirnya :

*"Apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu musibah, ianya adalah disebabkan oleh tangan-tangan kamu sendiri yang melakukannya, namun (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian dari dosa-dosa kamu."*

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Berdasarkan ini, salah satu usaha kita yang baik, supaya kita sentiasa diberkati dengan kebajikan ialah dengan mengasuh azam yang baik serta menjelmakannya ke dalam perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan kita yang baik pula. Janganlah ada yang tidak baik, kerana yang tidak baik itu adalah penyakit, sama ada ianya penyakit akhlak ataupun penyakit jiwa. Kita adalah sama-sama menginginkan supaya menjadi bangsa yang baik, yang tidak sakit, yang dicintai serta diredai oleh Allah.

Insyaa-Allah, tanda-tanda bangsa yang sihat dan baik itu, negara ini berkeadaan selamat, aman serta sejahtera.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Dalam kesempatan di bulan yang berkat ini, beta sukacita menarik perhatian mengenai dengan satu rancangan kerajaan melalui Kementerian Kewangan iaitu kerajaan akan mengadakan satu pasaran modal yang bersandarkan hukum syarak melalui penerbitan Aukuk Al-Ijarah. Insyaa-Allah, penerbitan pertamanya akan dibuat pada awal tahun hadapan.

Buat permulaan ini, kita akan menerbitkan Al-Ijarah Jangka Pendek yang mempunyai tempoh kematangan tiga bulan. Namun insyaa-Allah, tempoh itu akan dilanjutkan dari masa ke semasa mengikut kesesuaiannya. Dengan ini, Negara Brunei Darussalam adalah negara Islam pertama yagn menerbitkan Sukuk Al-Ijarah Jangka Pendek. Tidak syak lagi, ini adalah sumbangan kita kepada perkembangan pasaran modal Islam di mana ianya berpotensi untuk menjadi rujukan kepada negara-negara Islam lain.

Objektif utama penerbitan Sukuk Kerajaan ini, selain daripada untuk perkembangan pasaran modal, ia juga dihasratkan untuk menggalakkan pihak-pihak lain termasuk pihak korporat utama dalam negara supaya menerbitkan Sukuk-sukuk Islam mereka masing-masing. Dengan ini dapatlah diharapkan akan mengurangkan pergantungan mereka itu kepada bank-bank untuk mendapatkan sumber dana. Di samping itu juga akan memberi peluang kepada pihak-pihak awam untuk melabur dalam projek-projek dalaman kita berdasarkan prinsip-prinsip hukum syarak. Selain itu serba sedikit, ia juga diharapkan akan mengurangkan jumlah aliran dana keluar dari negara.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Untuk mengakhirinya, beta dan keluarga beta mengambil peluang mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua lapisan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana juga mereka berada. Semoga kita sama-sama berbahagia di bawah inayah dan pemeliharaan Allah. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.